

## 20,572 aduan dan pertanyaan telah diterima

Mei 14, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**PUTRAJAYA, 14 Mei** - Bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperolehi.

Bagaimanapun, tindakan akan diambil jika didapati mana-mana peniaga menaikkan harga barangan .

Menurut Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, tindakan akan diambil jika didapati mana-mana peniaga sama ada di peringkat pengeluar, pengilang, pemborong atau peruncit yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barangan secara mendadak.

Sehingga kini; 20 ribu 572 aduan dan pertanyaan telah diterima

Daripada jumlah itu, 2 ribu 851 aduan harga dan bekalan telah direkodkan untuk tindakan bahagian penguatkuasa melalui sistem E-aduan.

Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membuat pemantauan harian 25 jenis bekalan di satu ribu tujuh premis perniagaan termasuk peruncit, pemborong dan pengilang.

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/18319-20-572-aduan-dan-pertanyaan-telah-diterima>